

Lelaki gagal kemuka penyata GST

UM 6/10
IPOH 5 Okt. - Seorang pemilik sebuah syarikat menjual alat telekomunikasi mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas lapan pertuduhan gagal mengemukakan penyata cukai barang dan perkhidmatan (GST) pada tahun lalu.

Wong Kean Yik (**gambar**), 36, dari Lawan Kuda Baru, Gopeng dekat sini membuat pengakuan tersebut di hadapan



Hakim Murtazadi Amran. Hukuman terhadap lelaki itu akan dijatuhkan pada 19 Oktober ini.

Mengikut pertuduhan, Kean Yik didakwa gagal mengemukakan penyata GST bagi tempoh bercukai untuk bulan Mei sehingga Disember 2015 sedangkan tarikh akhir untuk mengemukakan penyata tersebut ialah sebulan dari tarikh ditetapkan.

Dia sebaliknya telah mengemukakan penyata GST bagi Januari hingga Mac pada 15 Ogos 2015 manakala bagi bulan April hingga Disember 2015 pula pada 11 Mac lalu.

Kesemua perbuatan itu dilakukan di Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Bahagian GST, Wisma Kastam, No.1, Jalan Tun Abdul Razak di sini.

Penolong Pengarah Kastam Cawangan Pendakwaan negeri, S. Morgan mengemukakan pertuduhan mengikut Seksyen 41(6) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan boleh dihukum di bawah seksyen sama.

Ia memperuntukkan hukuman denda sehingga RM50,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.